



**ANWAR IBRAHIM**

**SHAH ALAM** - Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sidang Dewan Rakyat dilanjutkan bagi membincang dan membahaskan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) bertujuan meneliti setiap aspek RUU tersebut terutamanya dari segi penambahan kompaun kepada rakyat.

Beliau berkata, berdasarkan RUU berkenaan, individu yang melakukan kesalahan boleh dikompaun sehingga RM10,000

‘Teliti setiap aspek Akta 342’

Sinar Harian

m/s: 3  
17/12/2021

berbanding RM1,000 pada ketika ini.

“Ini sangat membebankan dan kita tidak boleh terima sama sekali. Yang keduanya tentang penguatkuasaan.

“Ketiganya, soal kadar kompaun bagi syarikat-syarikat kerana syarikat itu terlalu umum termasuk persatuan, pertubuhan, parti dan sebagainya,” katanya dalam siaran akhbar secara langsung di Facebook rasminya pada Khamis.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Presiden Parti

Keadilan Rakyat (PKR) itu berkata, pembentangan RUU tersebut dibuat terlalu terburu-buru.

“Jadi ini harus diberi penjelasan sehingga menyebabkan kita memohon ditangguhkan kemudian dibincangkan secara teliti.

“Kalau kita bersetuju, kerajaan bersetuju, ia boleh diluluskan tetapi kalau asas-asas tidak dipersetujui kita daripada Pakatan Harapan (PH) terpaksa menolak RUU tersebut,” ujarnya.